



PING PONG

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa dan Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA

2.0 JENIS PERTANDINGAN

- Pertandingan Perseorangan (Single)
- Bergu (Double)

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

3.1 Lelaki / Wanita

Setiap pasukan boleh mendaftar maksima 2 pemain perseorangan lelaki / wanita dan 1 bergu lelaki / wanita bagi setiap kolej.

3.2 Senarai pendaftaran pemain hendaklah diserahkan kepada Urusetia Pertandingan sebelum tarikh undian dijalankan.

3.3 Penambahan kepada senarai pemain tidak dibenarkan semasa atau selepas taklimat pengurus-pengurus pasukan kecuali hanya dibenarkan pertukaran pemain yang disahkan menghidap penyakit covid -19 dengan mengemukakan bukti (surat doktor dari hospital kerajaan)

3.4 Sekiranya jika berlaku pertindihan waktu perlawanan, perlawanan berikutnya akan dijalankan 10 minit selepas sesuatu perlawanan tamat. (Pertindihan waktu perlawanan perseorangan dan beregu

- Keutamaan hendaklah diberi kepada perlawanan perseorangan terlebih dahulu.

4.0 UNDIAN

Undian untuk perlawanan ini akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

5.0 PEMAIN PILIHAN (RANKING)

- 5.1 Pemain-pemain yang pernah mewakili UiTM di dalam Kejohanan Sirkit & Sukan MASUM akan diberi keutamaan sebagai pemain pilihan (seeded player).
- 5.2 Pemain-pemain yang pernah mewakili negeri atau negara atau mempunyai rekod cemerlang tidak layak bertanding.

6.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Semua pertandingan akan dijalankan secara kalah mati (Perseorangan) dengan kiraan “Best of 5”.
- 6.2 Bagi acara double akan akan dijalankan liga satu kumpulan dengan kiraan “Best of 3”.
- 6.3 Penentuan tempat ketiga dan keempat akan dijalankan untuk menentukan pemenang.
- 6.4 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut turutan perlawanan. Pemain perlu mengetahui nombor perlawanannya, tempat dan nombor gelanggang yang telah disediakan.
- 6.5 Pengadil mestila dalam kalangan pemain sendiri kecuali di peringkat separuh akhir dan akhir dengan kiraan “Best of 5”.
- 6.6 Perlawanan separuh akhir, akhir dan penentuan tempat ‘Best of 5 sets’.

7.0 PAKAIAN

- 7.1 Pakaian baju berwarna putih melebihi 30% tidak dibenarkan (atas ketetapan teknikal).

8.0 MELAPOR DIRI / KELEWATAN

- 8.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah Namanya diumumkan untuk bermain.
- 8.2 Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan 11-0,11-0 & 11-0.Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

9.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 9.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Teknologi MARA yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.